



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 32 TAHUN 2007**

---

**PERUBAHAN SKIM-SKIM PERKHIDMATAN PERANGKAWAN,  
PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN DAN PEMBANTU PERANGKAAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim-skim perkhidmatan Perangkawan Gred N41, N44, N48, N52, N54 dan Gred-gred Utama (VU), Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27, N32, N36 dan Pembantu Perangkaan Gred N17, N22, N26 yang telah diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

**LATAR BELAKANG**

2. Era globalisasi dan pembangunan negara secara langsung telah meluaskan peranan perkhidmatan Perangkaan dalam memenuhi permintaan terhadap maklumat perangkaan dalam pelbagai bidang yang semakin meningkat, khususnya dari kalangan penggubal polisi. Pertambahan bidang-bidang baru dalam liputan statistik menjadikan perkhidmatan Perangkaan semakin penting dalam menyediakan perangkaan yang berkualiti dan bertepatan masa bagi memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar.

3. Selaras dengan perluasan skop fungsi tugas dan peranan perkhidmatan Perangkaan sebagai pakar runding dalam bidang perangkaan berkaitan ekonomi makro, perdagangan, kependudukan, demografi, tenaga manusia, alam sekitar dan lain-lain yang diperlukan dari semasa ke semasa untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara, maka kerajaan telah bersetuju supaya skim-skim perkhidmatan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan diubah sewajarnya dari segi klasifikasi perkhidmatan dan syarat lantikan.

### **SKIM PERKHIDMATAN PERANGKAWAN, PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN DAN PEMBANTU PERANGKAAN**

#### **Perubahan Klasifikasi Perkhidmatan**

4. Kerajaan telah bersetuju untuk mengubah klasifikasi perkhidmatan bagi skim-skim perkhidmatan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan daripada Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan (N) kepada **Klasifikasi Perkhidmatan Ekonomi (E)** seperti berikut:

- (a) Perangkawan Gred N41, N44, N48, N52, N54, VU diubah kepada **Perangkawan Gred E41, E44, E48, E52, E54, VU;**
- (b) Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27, N32, N36 diubah kepada **Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27, E32, E38;** dan
- (c) Pembantu Perangkaan Gred N17, N22, N26 diubah kepada **Pembantu Perangkaan Gred E17, E22, E26.**

## **Perubahan Syarat Lantikan**

5. Skim perkhidmatan Perangkawan yang berkuat kuasa diubah syarat lantikannya **daripada** ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **kepada** ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Di samping itu, skim perkhidmatan Perangkawan yang diubah **memperuntuk satu kelayakan tambahan** iaitu ijazah sarjana dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Syarat-syarat lantikan lain skim perkhidmatan ini adalah **dikekalkan**.

6. Syarat-syarat lantikan bagi skim-skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan adalah **dikekalkan**.

7. Skim-skim perkhidmatan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan yang diubah adalah seperti di **Lampiran A, A1 dan A2** manakala format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B, B1 dan B2**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3, C4, C5, C6, C7, C8, C9 dan C10** manakala Jadual Gaji Matriks adalah seperti di **Lampiran D, D1, D2, D3, D4, D5, D6, D7, D8, D9 dan D10**. Sementara itu, JGM bagi Gred-gred VU adalah seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2007.

8. Mulai tarikh kuat kuasa skim-skim perkhidmatan ini, semua lantikan sebagai Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan hendaklah menggunakan skim-skim perkhidmatan Perangkawan Gred E41, E44, E48, E52, E54, VU, Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27, E32, E38 dan Pembantu Perangkaan Gred E17, E22, E26 yang diubah dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

## **PELAKSANAAN**

9. Semua Perangkawan Gred N41, N44, N48, N52, N54, VU, Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27, N32, N36 dan Pembantu Perangkaan Gred N17, N22, N26 yang sedang berkhidmat serta dilantik secara tetap termasuk mereka yang dalam tempoh percubaan serta memilih opsyen Sistem Saraan Malaysia adalah layak diberi opsyen untuk ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan yang diubah seperti berikut:

(a) **Skim Perkhidmatan Perangkawan**

- (i) pegawai yang berada di Gred N41 akan ditukar lantik ke Gred E41;
- (ii) pegawai yang berada di Gred N44 akan ditukar lantik ke Gred E44;
- (iii) pegawai yang berada di Gred N48 akan ditukar lantik ke Gred E48;
- (iv) pegawai yang berada di Gred N52 akan ditukar lantik ke Gred E52;
- (v) pegawai yang berada di Gred N54 akan ditukar lantik ke Gred E54;  
dan
- (vi) pegawai yang berada di Gred VU akan ditukar lantik ke gred yang setaraf.

(b) **Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perangkaan**

- (i) pegawai yang berada di Gred N27 akan ditukar lantik ke Gred E27;
- (ii) pegawai yang berada di Gred N32 akan ditukar lantik ke Gred E32;  
dan
- (iii) pegawai yang berada di Gred N36 akan ditukar lantik ke Gred E38.

(c) **Skim Perkhidmatan Pembantu Perangkaan**

- (i) pegawai yang berada di Gred N17 akan ditukar lantik ke Gred E17;
- (ii) pegawai yang berada di Gred N22 akan ditukar lantik ke Gred E22;  
dan
- (iii) pegawai yang berada di Gred N26 akan ditukar lantik ke Gred E26.

10. Ketua Jabatan/ Perkhidmatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Perangkawan Gred E41, E44, E48, E52, E54, VU, Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27, E32, E38 dan Pembantu Perangkaan Gred E17, E22, E26 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Perangkawan Gred N41, N44, N48, N52, N54, Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27, N32, N36 dan Pembantu Perangkaan Gred N17, N22, N26 mengikut keperluan dan kesesuaian.

**PEMBERIAN OPSYEN**

11. Dengan pelaksanaan skim-skim perkhidmatan Perangkawan Gred E41, E44, E48, E52, E54, Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27, E32, E38 dan Pembantu Perangkaan Gred E17, E22, E26, maka Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan/ Perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada Perangkawan Gred N41, N44, N48, N52, N54, VU, Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27, N32, N36 dan Pembantu Perangkaan Gred N17, N22, N26 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Perangkawan Gred E41, E44, E48, E52, E54, VU, Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27, E32, E38 dan Pembantu Perangkaan Gred E17, E22, E26 seperti di perenggan 9.

12. Pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh tawaran opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini.

Pegawai yang tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap sebagai tidak memilih untuk ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan yang diubah ini dan akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

13. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan bertaraf tetap yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

14. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

15. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 13, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan walaupun tempoh asal opsyen telah tamat.

16. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai yang dilantik secara sementara, peminjaman, kontrak, sambilan atau pekerja khidmat singkat.

17. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti berikut:

(a) **Perangkawan**

- (i) Lampiran E - Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan;
- (ii) Lampiran E1 - Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan; dan
- (iii) Lampiran E2 - Borang Opsyen.

(b) **Penolong Pegawai Perangkaan**

- (i) Lampiran E3 - Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan;
- (ii) Lampiran E4 - Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan; dan
- (iii) Lampiran E5 - Borang Opsyen.

(c) **Pembantu Perangkaan**

- (i) Lampiran E6 - Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan;
- (ii) Lampiran E7 - Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan; dan
- (iii) Lampiran E8 - Borang Opsyen.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

18. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan ke skim-skim perkhidmatan

Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan yang diubah adalah ditetapkan seperti berikut:

- a) Perangkawan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru;
- b) Perangkawan yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- c) Perangkawan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan **ijazah sarjana** dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baru. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai matagaji permulaan P1T7 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T7 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T7 di gred jawatan baru;
- d) Perangkawan yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan **ijazah sarjana** dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, hendaklah



ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai matagaji permulaan P1T7 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T7 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T7 di gred jawatan baru;

- e) Penolong Pegawai Perangkaan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru;
- f) Penolong Pegawai Perangkaan yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- g) Pembantu Perangkaan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru; dan
- h) Pembantu Perangkaan yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji

tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

19. Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

20. Secara terperinci, penetapan gaji permulaan bagi Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan yang ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan yang diubah ini bagi setiap gred adalah seperti berikut:

### **Skim Perkhidmatan Perangkawan**

#### **(a) Perangkawan Gred N41**

- (i) Perangkawan Gred N41 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Perangkawan Gred E41;
- (ii) Perangkawan Gred N41 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Perangkawan Gred E41 yang mana jumlahnya tidak

kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(b) **Perangkawan Gred N44**

- (i) Perangkawan Gred N44 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Perangkawan Gred E44 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(c) **Perangkawan Gred N48**

- (i) Perangkawan Gred N48 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Perangkawan Gred E48 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(d) **Perangkawan Gred N52**

- (i) Perangkawan Gred N52 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Perangkawan Gred E52 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(e) **Perangkawan Gred N54**

- (i) Perangkawan Gred N54 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Perangkawan Gred E54 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

(f) **Perangkawan Gred VU**

- (i) Perangkawan Gred VU hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di gred-gred yang setaraf yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal.

## **Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perangkaan**

### **(a) Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27**

- (i) Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27;
- (ii) Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

### **(b) Penolong Pegawai Perangkaan Gred N32**

- (i) Penolong Pegawai Perangkaan Gred N32 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Perangkaan Gred E32 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

(c) **Penolong Pegawai Perangkaan Gred N36**

- (i) Penolong Pegawai Perangkaan Gred N36 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Penolong Pegawai Perangkaan Gred E38 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

**Skim Perkhidmatan Pembantu Perangkaan**

(a) **Pembantu Perangkaan Gred N17**

- (i) Pembantu Perangkaan Gred N17 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Pembantu Perangkaan Gred E17;
- (ii) Pembantu Perangkaan Gred N17 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pembantu Perangkaan Gred E17 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

(b) **Pembantu Perangkaan Gred N22**

- (i) Pembantu Perangkaan Gred N22 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pembantu Perangkaan Gred E22 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

(c) **Pembantu Perangkaan Gred N26**

- (i) Pembantu Perangkaan Gred N26 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baru Pembantu Perangkaan Gred E26 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gajinya boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

21. Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

22. Contoh-contoh kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan adalah seperti di **Lampiran F, F1, F2, F3, F4, F5, F6, F7 dan F8**.

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

23. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan hendaklah diberi di gred jawatan baru.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

24. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan ini. TPG baru itu ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

25. Pelaksanaan skim-skim perkhidmatan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan yang diubah ini tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan yang sedia ada. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim-skim perkhidmatan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan yang diubah.

26. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Perangkawan, Penolong Pegawai Perangkaan dan Pembantu Perangkaan akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

## **PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

27. Perangkawan Gred N41, N44, N48, N52, N54, Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27, N32, N36 dan Pembantu Perangkaan Gred N17, N22, N26 yang ditukar lantik



ke skim-skim perkhidmatan Perangkawan Gred E41, E44, E48, E52, E54, Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27, E32, E38 dan Pembantu Perangkaan Gred E17, E22, E26, **boleh mengguna pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di jawatan asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat** berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Selain daripada itu, pegawai yang telah melepasi Tahap Kecekapan yang diperlukan bagi mana-mana komponen PTK atas jawatan asal tidak perlu menduduki semula komponen berkenaan. Sebaliknya, pegawai hanya perlu menduduki mana-mana komponen PTK yang belum melepasi Tahap Kecekapan yang ditetapkan di jawatan baru.

#### **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

28. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

- (i) menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan/ Perkhidmatan**

- (i) menyampaikan surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim-skim perkhidmatan Perangkawan Gred E41, E44, E48, E52, E54, VU, Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27, E32, E38 dan Pembantu Perangkaan Gred E17, E22, E26 kepada pegawai yang terlibat. Contoh surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di Lampiran **E, E1, E2, E3, E4, E5, E6, E7 dan E8**;

- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemaskini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan **dua (2) salinan** borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dan satu (1) lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan sama ada menerima atau menolak opsyen tawaran ini dalam tempoh **30 hari** mulai tarikh surat tawaran.

**TARIKH KUAT KUASA**


29. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2008**.

## **PEMAKAIAN**

30. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim-skim perkhidmatan Perangkawan Gred N41, N44, N48, N52, N54, VU, Penolong Pegawai Perangkaan Gred N27, N32, N36 dan Pembantu Perangkaan Gred N17, N22, N26 yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 hanya kekal untuk menampung pegawai yang tidak menerima opsiyen di bawah urusan ini.

31. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

11 Disember 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN  
PERANGKAWAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN EKONOMI  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2008

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>	
<b>Gred E41</b>	: P1T1 RM1693.06	- P1T27 RM4643.06
	P2T1 RM1787.68	- P2T27 RM4921.33
	P3T1 RM1886.48	- P3T27 RM5223.40
<b>Gred E44</b>	: P1T1 RM2980.20	- P1T14 RM4933.84
	P2T1 RM3298.86	- P2T14 RM5415.39
<b>Gred E48</b>	: P1T1 RM4352.22	- P1T8 RM5774.34
	P2T1 RM4783.59	- P2T8 RM6322.61
<b>Gred E52</b>	: P1T1 RM4897.69	- P1T8 RM6319.81
	P2T1 RM5362.45	- P2T8 RM6901.47
<b>Gred E54</b>	: P1T1 RM5164.86	- P1T8 RM6720.54
	P2T1 RM5621.27	- P2T8 RM7335.57

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: P1T3); atau
  - (ii) *Associateship Institute of Statisticians, London* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: P1T3); atau
  - (iii) ijazah sarjana dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: P1T7);

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Perangkaan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Perangkawan Gred E41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred E41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Perangkawan Gred E41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Perangkawan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Perangkawan Gred E41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Perangkawan Gred E41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Perangkawan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED E44**
10. Perangkawan Gred E41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Perangkawan Gred E44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED E48**

11. Perangkawan Gred E44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Perangkawan Gred E48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED E52**

12. Perangkawan Gred E48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Perangkawan Gred E52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED E54**

13. Perangkawan Gred E52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Perangkawan Gred E54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

14. Perangkawan Gred E54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3/Klt.2(3)].

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN EKONOMI  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2008

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>	
<b>Gred E27</b>	: P1T1 RM1204.55	- P1T26 RM3027.10
	P2T1 RM1274.13	- P2T26 RM3213.25
	P3T1 RM1346.73	- P3T26 RM3405.26
<b>Gred E32</b>	: P1T1 RM2413.04	- P1T13 RM3592.76
	P2T1 RM2623.28	- P2T13 RM3911.96
<b>Gred E38</b>	: P1T1 RM3001.40	- P1T11 RM4439.78
	P2T1 RM3211.64	- P2T11 RM4911.67

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E27: P1T1); atau  
  
(ii) diploma dalam bidang perangkaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E27: P1T5);
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perangkaan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred E27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Penolong Pegawai Perangkaan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Penolong Pegawai Perangkaan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED E32**
10. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.



**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED E38**

11. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E38 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PERANGKAWAN**

12. Penolong Pegawai Perangkaan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Perangkawan Gred E41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3/Klt.2(3)].

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU PERANGKAAAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN EKONOMI  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JANUARI 2008

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>	
<b>Gred E17</b>	: P1T1 RM821.89	- P1T24 RM2152.86
	P2T1 RM873.32	- P2T24 RM2274.01
	P3T1 RM926.26	- P3T24 RM2399.46
<b>Gred E22</b>	: P1T1 RM1916.94	- P1T12 RM2839.55
	P2T1 RM2059.12	- P2T12 RM3136.04
<b>Gred E26</b>	: P1T1 RM2198.26	- P1T9 RM2984.74
	P2T1 RM2408.50	- P2T9 RM3267.62

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;
    - dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred E17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pembantu Perangkaan Gred E17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pembantu Perangkaan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
5. Pembantu Perangkaan Gred E17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Perangkaan Gred E17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

8. Pembantu Perangkaan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED E22**

9. Pembantu Perangkaan Gred E17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perangkaan Gred E22 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED E26**

10. Pembantu Perangkaan Gred E22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perangkaan Gred E26 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAAN**

11. Pembantu Perangkaan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3/Klt.2(3)].

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Perangkawan
- (b) Kementerian/ Jabatan : (Nyatakan nama agensi)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Ekonomi
  
2. Jadual Gaji Jadual Gaji Matriks

Gred E41	:	P1T1 RM1693.06	-	P1T27 RM4643.06
		P2T1 RM1787.68	-	P2T27 RM4921.33
		P3T1 RM1886.48	-	P3T27 RM5223.40
Gred E44	:	P1T1 RM2980.20	-	P1T14 RM4933.84
		P2T1 RM3298.86	-	P2T14 RM5415.39
Gred E48	:	P1T1 RM4352.22	-	P1T8 RM5774.34
		P2T1 RM4783.59	-	P2T8 RM6322.61
Gred E52	:	P1T1 RM4897.69	-	P1T8 RM6319.81
		P2T1 RM5362.45	-	P2T8 RM6901.47
Gred E54	:	P1T1 RM5164.86	-	P1T8 RM6720.54
		P2T1 RM5621.27	-	P2T8 RM7335.57
  
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41:P1T3);  
atau

(ii) *Associateship Institute of Statisticians*, London atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41:P1T3); atau

(iii) ijazah sarjana dalam bidang ekonomi atau statistik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41:P1T7);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Perangkaan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Perangkawan Gred E41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Perangkawan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan).

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Perangkaan  
(b) Kementerian/ Jabatan : (Nyatakan nama agensi)  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Ekonomi
  
2. Jadual Gaji Jadual Gaji Matriks

Gred E27	:	P1T1 RM1204.55	-	P1T26 RM3027.10
		P2T1 RM1274.13	-	P2T26 RM3213.25
		P3T1 RM1346.73	-	P3T26 RM3405.26
Gred E32	:	P1T1 RM2413.04	-	P1T13 RM3592.76
		P2T1 RM2623.28	-	P2T13 RM3911.96
Gred E38	:	P1T1 RM3001.40	-	P1T11 RM4439.78
		P2T1 RM3211.64	-	P2T11 RM4911.67
  
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E27: P1T1); atau
  - (ii) diploma dalam bidang perangkaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E27: P1T5);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perangkaan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Perangkaan Gred E27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara).
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Perangkaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan).



**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Pembantu Perangkaan  
(b) Kementerian/ Jabatan : (Nyatakan nama agensi)  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Ekonomi
  
2. Jadual Gaji Jadual Gaji Matriks  

Gred E17	:	P1T1 RM821.89	-	P1T24 RM2152.86
		P2T1 RM873.32	-	P2T24 RM2274.01
		P3T1 RM926.26	-	P3T24 RM2399.46
Gred E22	:	P1T1 RM1916.94	-	P1T12 RM2839.55
		P2T1 RM2059.12	-	P2T12 RM3136.04
Gred E26	:	P1T1 RM2198.26	-	P1T9 RM2984.74
		P2T1 RM2408.50	-	P2T9 RM3267.62
  
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  
4. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara).

5. Penaklukan Di  
Bawah Syarat-Syarat  
Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Perangkaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
7. Tarikh Tutup  
Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan).

**PENGHURAIAN KERJA  
PERANGKAWAN GRED E41**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Perangkawan Gred E41.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Perangkaan Malaysia dan Badan Berkanun.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab mengurus program dan aktiviti pengumpulan, pemprosesan, penganalisan, penyediaan laporan dan penyebaran data dalam bidang ekonomi makro, perdagangan, kependudukan, demografi, tenaga manusia, alam sekitar dan bidang lain-lain yang diperlukan dari semasa ke semasa untuk perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

4.1 Operasi

- a. Melaksanakan perancangan awalan banci/ penyiasatan sebelum kerja lapangan meliputi persediaan terhadap aspek teknikal operasi dan prosesan sesuatu penyiasatan;
- b. Menyemak kerja-kerja pengemaskinian rangka isi rumah, individu, *enterprise* dan pertubuhan;
- c. Mereka bentuk dan menentukan sampel mengikut keperluan pengguna;
- d. Menyelia proses pungutan data;
- e. Menyediakan laporan aktiviti pungutan data dan melaksanakan tindakan susulan;
- f. Menyediakan spesifikasi kerja pemprosesan data dan pembangunan sistem;
- g. Meyelia kerja-kerja pemprosesan data;

- h. Menjalankan aktiviti penyusunan dan pengurusan data primer dan sekunder;
- i. Menyemak data dan menyediakan metadata untuk pengeluaran penerbitan;
- j. Melaksanakan aktiviti penyaluran dan penyebaran maklumat statistik kepada *stakeholders* dan klien;
- k. Memberi khidmat perundingan dan kepakaran bidang statistik kepada *stakeholders* dan klien; dan
- l. Melaksanakan pematuhan kepada keperluan penyediaan data mengikut standard antarabangsa.

#### 4.2 Perancangan

- a. Menyediakan strategi pengemaskinian rangka isi rumah dan rangka pertubuhan;
- b. Melaksanakan pemakaian MS ISO 9001:2000 dalam aktiviti pengeluaran data utama;
- c. Melaksanakan pematuhan *Best Practices* semasa menyediakan data;
- d. Menyediakan kaedah penyiasatan dan rekabentuk pensampelan yang efisien berdasarkan pengiraan ralat pensampelan (RSE) dan *confident level* yang dibenarkan;
- e. Menyediakan pembangunan sistem pemprosesan melalui penggunaan perisian komputer yang sesuai; dan
- f. Melaksanakan program latihan pegawai berdasarkan keperluan kerja sama ada di dalam atau luar negara supaya selaras dengan matlamat dan objektif jabatan.

#### 4.3 Penyelidikan dan Pembangunan

- a. Mengenal pasti perluasan skop aktiviti perangkaan ke dalam bidang-bidang baru;
- b. Mengguna teknik-teknik dan instrumen sedia ada dan baru dalam pengumpulan dan prosesan data;
- c. Menyediakan unjuran-unjuran statistik, ekonomi dan kependudukan berdasarkan model-model terkini;

- d. Melaksanakan program dan aktiviti bahagian, negeri dan pusat operasi bagi memenuhi keperluan *stakeholders*;
